



CRIMINAL ADVOCACY TRAINING COURSE

Kuala Lumpur Court Complex

24 and 25 Aug 2024 (Saturday and Sunday)

24 Aug – 8:30 am to 5:30 pm (Saturday) | 25 Aug – 10:00 am to 3:45 pm (Sunday)

CPD code: T3/2425082024/BC/KL241033/12

CPD points: 12

REGISTRATION FEE: RM500

[CLICK HERE TO REGISTER](#)

Criminal Trial Advocacy is a skill that can be learnt. The Bar Council Advocacy Training Committee has been providing this course to Members of the Bar for more than 10 years now. This course provides an opportunity for any Member of the Bar not only to understand and enhance their advocacy skills generally, but also to learn specific criminal defence advocacy skills. One does not have to be a criminal law practitioner to participate in this course. Any Member of the Bar can benefit from this course.

Under the personalised tutelage of two senior lawyers experienced in handling criminal trials, you will be one of the six participants in a court room.

You will be asked to do examination-in-chief, cross-examination, and submission in a drug-related case study under the watchful eyes of your trainers.

Your performance will be recorded and the video will be used as a teaching aid to explain areas which can be improved.

WHY YOU SHOULD ATTEND

- Employs proven teaching method used throughout the Commonwealth
- Utilises simulated trial /online settings
- Taught by experienced practitioners and trainers

MORE BENEFITS

- Gain 12 CPD points
- Receive personalised attention | 2 trainers per group of 6 participants
- Obtain a certificate of attendance

There is also a separate component on mitigation where you will be asked to do a plea in mitigation for your clients. You will then be shown ways to improve your level of advocacy in these areas.

It is an intense course but having heard from the previous participants how this course has been rewarding to them, we can assure you that the knowledge and skill you will learn from this course will enhance your level of competency, not only in advocacy skills in general but particularly in criminal defence advocacy skills.

The Advocacy Training Committee is delighted to announce that the courses for August will be conducted physically in the courtrooms in Kuala Lumpur.

WHAT YOU GAIN

- Confidence in examining witnesses-in-chief and during cross-examination
- Ability to deftly argue your case at the *prima facie* stage and at the end of the trial
- Proficiency to present closing submissions persuasively after the trial
- Development of skills in a simulated courtroom / online environment
- The video reviews enable you to enhance your advocacy skills

Notes

- Places are limited and registration is on a first come, first served basis. Members are encouraged to register their names nonetheless, as it is intended that this course will be organised regularly for the benefit of Members.
- Registration will close on **1 Aug 2024 (Thursday)**.
- Should you have any enquiries, please send an email to cpd.events@malaysianbar.org.my.
- Participants may elect to perform the roles assigned to them for this course in either Bahasa Malaysia or in English.
- All course materials will be sent by email. No printed notes will be provided.
- Participants are not permitted to record the course via any means, except for their own performances for trainers' reviews.
- No part of this course, including the video review and feedback by the trainers, may be reproduced in any form without the written and explicit consent of the Bar Council Advocacy Training Committee and its trainers.



KURSUS LATIHAN KEPEGUAMAN JENAYAH

Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

24 dan 25 Ogos 2024 (Sabtu dan Ahad)
24 Ogos – 8:30 pagi hingga 5:30 petang (Sabtu) dan
25 Ogos – 10:00 pagi hingga 3:45 petang (Ahad)

Kod Skim Pembangunan Profesional Berterusan
("CPD"): T3/2425082024/BC/KL241033/12 | Mata CPD: 12

YURAN PENDAFTARAN: RM500

**KLIK DI SINI UNTUK
MENDAFTAR**

Kepeguaman percabaran jenayah adalah kemahiran yang boleh dipelajari. Bar Council Advocacy Training Committee telah mengajar kursus ini kepada ahli Badan Peguam Malaysia lebih daripada 10 tahun. Kursus ini memberi peluang kepada ahli Badan Peguam Malaysia bukan sahaja untuk memahami dan meningkatkan kemahiran kepeguaman mereka secara amnya, bahkan juga untuk mempelajari kemahiran kepeguaman percabaran jenayah yang khusus. Seseorang tidak perlu menjadi pengamal undang-undang jenayah untuk menyertai kursus ini. Mana-mana Ahli Badan Peguam Malaysia boleh mendapat manfaat daripada kursus ini.

Anda akan menjadi salah seorang daripada enam peserta di dalam bilik mahkamah dan akan menerima bimbingan yang diperibadikan daripada dua peguam yang berpengalaman dalam mengendalikan percabaran jenayah.

Anda akan diminta untuk melakukan pemeriksaan utama (examination-in-chief), soal balas (cross-examination), dan hujahan dalam kajian kes berkaitan dadah di bawah pengawasan pengajar anda.

KENAPA ANDA PERLU SERTA?

- Menggunakan kaedah pengajaran yang terbukti di seluruh Komanwel
- Penggunaan kaedah percabaran dan pendengaran secara simulasi
- Dikendalikan oleh pengamal undang-undang dan pengajar yang berpengalaman

MANFAAT TAMBAHAN

- Mendapat 12 mata CPD
- Menerima latihan yang diperibadikan | 2 pengajar untuk setiap kumpulan yang terdiri daripada 6 peserta
- Mendapat sijil kehadiran

Persembahan kamu akan dirakamkan dan rakaman ini akan digunakan oleh pengajar kamu untuk menunjukkan perkara-perkara yang boleh diperbaiki.

Terdapat juga komponen berasingan mengenai mitigasi di mana anda akan diminta untuk membuat rayuan dalam mitigasi untuk anak guam anda. Kemudian anda akan ditunjukkan cara untuk meningkatkan tahap kepeguaman anda dalam bidang ini.

Kursus ini bersifat intensif tetapi setelah mendengar maklum balas daripada peserta terdahulu tentang bagaimana kursus ini memanfaatkan mereka, kami boleh memberi jaminan kepada anda bahawa pengetahuan dan kemahiran yang anda akan pelajari daripada kursus ini akan meningkatkan tahap kecekapan anda, bukan sahaja dalam kemahiran kepeguaman secara umumnya tetapi secara khususnya dalam kemahiran kepeguaman pembelaan jenayah.

Advocacy Training Committee dengan sukacitanya mengumumkan bahawa kursus untuk bulan Ogos akan dijalankan secara fizikal di bilik mahkamah di Kuala Lumpur.

MANFAAT YANG ANDA AKAN PEROLEHI

- Keyakinan semasa menjalankan pemeriksaan saksi utama dan pemeriksaan soal balas saksi
- Keupayaan untuk berhujah kes anda dengan cecap pada peringkat prima facie dan akhir percabaran
- Kemahiran membentangkan hujahan penutup secara meyakinkan selepas percabaran
- Peningkatan kemahiran dalam bilik percabaran secara simulasi di dalam mahkamah / persekitaran dalam talian
- Tunjukajar menerusi video membolehkan kamu mempertingkatkan kemahiran advokasi

Nota

- Tempat adalah terhad dan pendaftaran adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat. Walau bagaimanapun, Ahli adalah digalakkan untuk mendaftar kerana kursus ini akan dijalankan secara tetap untuk manfaat Ahli.
- Pendaftaran akan ditutup pada **1 Ogos 2024 (Khamis)**.
- Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hantar emel kepada cpd.events@malaysianbar.org.my.
- Peserta boleh memilih untuk membuat persembahan peranan yang akan diberikan untuk kursus ini sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- Semua bahan kursus akan dihantar melalui emel. Tiada nota bercetak akan diberikan.
- Peserta tidak dibenarkan membuat rakaman kursus ini melalui sebarang cara, kecuali persembahan mereka sendiri untuk ulasan pengajar.
- Semua bahagian dalam kursus ini, termasuk ulasan video dan maklum balas oleh pengajar, tidak boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa persetujuan yang nyata dan bertulis daripada Bar Council Advocacy Training Committee dan tenaga pengajarnya.